



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCES UNIVERSITY OF MALAYSIA

USIM



JASMIN JAIMON
Ketua Pustakawan USIM

**Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Bersyukur kita ke atas limpah rahmat Illahi yang telah mengizinkan kita untuk sama-sama melangkah ke tahun baru 2008 ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru kepada semua khususnya kepada para pengguna Perpustakaan USIM dan pembaca Buletin Iqra' yang budiman.

ISSN 1986-174X



9 771985 174000

IQRA'

BULETIN PERPUSTAKAAN USIM

Perutusan Tahun Baru 2008

TAHUN 2007 telah pun kita tinggalkan dengan seribu kenangan. Sepanjang tahun lalu Perpustakaan telah berjaya menambahkan bahan-bahan rujukan dan bacaan tambahan dalam koleksi Perpustakaan yang terdiri daripada buku-buku, jurnal, majalah, bahan multimedia dan juga beberapa pangkalan data atas talian yang penting sebagai rujukan para pengguna.

Di samping itu, Perpustakaan juga telah berjaya menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti Program Gerakan Membaca yang menyajikan pelbagai aktiviti di dalamnya, Program Pendidikan Pengguna dan juga kursus-kursus untuk kakitangan dan pelajar USIM.

Perpustakaan juga telah memantapkan lagi Sistem Keselamatan bahan-bahan Perpustakaan dengan penggunaan tag RFID, di samping menambah baik perkhidmatan sirkulasi di Perpustakaan dengan adanya kemudahan mesin secara layan diri untuk peminjaman bahan (mesin Selfcheck) dan mesin Bookdrop untuk pemulangan bahan.

Bagi tahun 2008 ini, Perpustakaan berazam akan terus mendukung usaha untuk menjadikan USIM lebih cemerlang di dalam kegiatan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikannya.

Justeru, Perpustakaan telah merancang untuk menambahkan langganan sekurang-kurangnya 5 lagi pangkalan data atas talian dan juga langganan jurnal-jurnal berimpak tinggi bagi rujukan para pengguna Perpustakaan. Di samping itu, pembelian bahan-bahan lain tetap akan diberi perhatian dengan penumpuan terutama bahan-bahan rujukan untuk program-program yang baru ditawarkan di USIM.

Perpustakaan juga berazam untuk meningkat jumlah koleksi dalam bidang Undang-undang dengan menubuhkan satu Seksyen khas di bawah Unit Pembangunan Koleksi bagi menguruskan perolehan bahan dalam subjek ini. Bagi tujuan ini, kami di Perpustakaan amat memerlukan kerjasama yang erat daripada para pensyarah di semua Fakulti untuk memberikan cadangan-cadangan judul bahan-bahan baru untuk Perpustakaan.

Pada tahun 2008 juga Perpustakaan berhasrat untuk melangkah lebih jauh dalam memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat kampus dan juga masyarakat luar yang berada di sekitar kampus USIM. Sehubungan itu, Perpustakaan telah merancang untuk membangunkan modul-modul bagi meningkatkan perbendaharaan kata dalam bahasa Arab dan Inggeris untuk membantu para pengguna USIM meningkatkan penguasaan bahasa mereka.

Manakala bagi masyarakat di luar, khususnya sekolah-sekolah di sekitar Nilai, Perpustakaan akan menyumbangkan bakti dalam bentuk khidmat nasihat dan tenaga dalam memperbaiki pengurusan perpustakaan di sekolah mereka. Di samping itu, untuk khidmat masyarakat yang lebih global, Perpustakaan telah mula bekerja untuk menganjurkan World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists yang dijangka akan berlangsung pada bulan November 2008.

Kemuncak agenda pada tahun 2008 ini adalah perpindahan ke bangunan baru Perpustakaan yang dijangka akan siap pembangunannya menjelang Ogos 2008. Perpustakaan merancang untuk memulakan operasinya di bangunan baru tersebut kelak pada awal 2009.

Akhir kata, sama-samalah kita doakan agar semua yang dirancang akan berjalan dengan lancar dan berjaya, untuk manfaat kita bersama.

Sekian, wassalam.

Katalog Induk Kebangsaan...3
 Ebscohost Research Databases...4
 Kursus Pengkatalogan Deskriptif...6



Kamus dan kegunaannya...7
 Koleksi Khas di Perpustakaan...8
 Judul Terbitan Bersiri Terkini...9
 Library and Educational Technology...13

Ulasan Buku...17
 Berita Kakitangan...18 – 19
 Bibliografi-'Global Warming'...20



Sidang Redaksi Buletin Iqra'

Penasihat/Ketua Editor:
 Ketua Pustakawan.

Editor:
 Pn. Nor Azzah bt. Momin

Pengarang:
 En. Sanizan b. Sardzi.
 Pn. Marhaniza bt. Abdul Halim.
 Pn. Hasmida bt. Saleh.

Pembantu Penerbitan:
 Pn. Alyani bt. Md. Ariffin
 Pn. Azreena Surya bt. Ahmad
 En. Mohd. Zulkarnain b. Shahdan

Wartawan:
 En. Mohd. Helmi b. Masor @ Mansor.
 Pn. Wan Azura bt. Radzuan.
 En. Hafas b. Ayob.

Jurugambar:
 En. Irwan Effendy b. Abu Bakar.

Pemasaran/Edaran:
 Cik Aishah bt. Abd. Majid.
 Cik Suharti bt. Tulas @ Abd Jalil.

Kata-kata Aluan Editor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kami bersyukur ke hadrat Illahi, kerana Buletin IQRA' bilangan kedua ini dapat diterbitkan untuk bacaan semua.

Penerbitan sulung buletin ini yang telah diedarkan kepada para pengguna telah mendapat maklum balas positif dan komen serta cadangan membina daripada para pembacanya. Tentunya masih banyak yang perlu diperbaiki dan kami cuba meningkatkan mutu persembahannya dalam penerbitan kali ini.

Dalam penerbitan kali ini, kami cuba memuatkan lebih banyak artikel dan rencana bercorak bimbingan pengguna serta berita-berita mengenai aktiviti Perpustakaan yang telah dijalankan, untuk tatapan pembaca.


Kami amat mengalu-alukan cadangan-cadangan mengenai isu-isu yang perlu kami kupas serta maklumat-maklumat yang diperlukan oleh para pengguna khususnya. Semua maklum balas dan cadangan dari pembaca boleh dihantar kepada kami dengan menghubungi kami di alamat yang tertera di halaman belakang Buletin ini. Kami percaya bahawa interaksi secara dua hala akan lebih berkesan dan baik untuk semua.

Semoga semua bahan yang dipaparkan akan mendatangkan manfaat kepada semua pembaca.

Selamat membaca. Wassalam.

Nor Azzah Momin
 Editor





KIK URL address : <http://kik.pnm.my/web/guest/html>

Bengkel MARC 21 Bagi Katalog Induk Kebangsaan

PADA 1 - 3 OGOS 2007 yang lalu, telah diadakan Bengkel MARC 21 Bagi Katalog Induk Kebangsaan (KIK) yang bertempat di Menara TH Selborn, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Perpustakaan USIM telah diwakili oleh Pn. Azlina Othman dari Unit Pembangunan Koleksi.

Bengkel anjuran Perpustakaan Negara Malaysia ini diadakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman kepada MARC 21 dan standard katalog yang digunakan dan memberi pendedahan dan pemahaman kepada polisi dan *standard* KIK serta memberi pengetahuan mengenai KIK dalam pembinaan rekod bibliografi.

KIK turut disertai oleh semua Perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi

Awam, Perpustakaan-perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Institut Perguruan serta beberapa perpustakaan lain.

KIK merupakan perkhidmatan perkongsian sumber yang dihost dan diselaraskan oleh (PNM) untuk perpustakaan, penyelidik dan orang awam. Ia menyediakan akses kepada maklumat komprehensif mengenai bahan perpustakaan di Malaysia. KIK mengandungi deskripsi bibliografi, lokasi dan maklumat pemilik bahan (holdings) serta bahan perpustakaan dalam pelbagai bidang perkara. Ia meliputi deskripsi bahan dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak seperti buku, majalah, jurnal, laporan tahunan, surat khabar, peta, kaset, video, filem, sumber elektronik, cakera padat dan dalam pelbagai bahasa.

Katalog Induk Kebangsaan (KIK) merupakan diselaraskan oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk orang awam. Ia menyediakan akses kepada perpustakaan di Malaysia.

KIK mengandungi deskripsi bibliografi, lokasi perpustakaan dalam pelbagai bidang perkara bercetak dan tidak bercetak seperti buku, majalah, kaset, video, filem, sumber elektronik, cakera

Carian

Carian

Jenis Carian

Hasil pencarian setiap muka surat
Cart0 Tapis Carian

Kaunter Hits

Hakcipta © 2006 Katalog Induk

Terdapat beberapa objektif penubuhan KIK, antaranya:

- Mewujudkan pangkalan data berpusat bagi memudahkan akses kepada sumber maklumat bahan serta lokasi.
- Membantu perkongsian sumber.
- Memudahkan proses kerjasama dalam pengkatalogan.
- Menyediakan kemudahan bagi pinjaman antara perpustakaan.
- Membantu dalam pengurusan ilmu.

Online Database USIM LIBRARY

Oleh :
Marhaniza
Abdul Halim

EBSCOhost Web

EBSCOhost is a powerful online reference system accessible via the Internet. It offers a variety of proprietary full text databases and popular databases from leading information providers. The databases range from general reference collections to specially designed, subject-specific databases for public, academic, medical, corporate and school libraries.


URL : <http://search.ebscohost.com/login.aspx?authtype=uid>

Basic Search

The Basic Search Screen lets you create a search with limiters and expanders.

To create a Basic Search:

1. Enter your search terms in the Find field and select any limiters or expanders that you want to apply to your terms. To remove search terms, click the Clear button. To reset limiters/expanders to their defaults, click the Reset button.



2. Click Search. Your search results are displayed. To print, e-mail or save several search results, you should add them to the folder.



Notes:

- If you click the EBSCOhost logo, you are returned to the default Search Screen with all your search terms cleared.


- If you click the Refine Search tab, you are returned to the Basic Search Screen with your search terms, source-type selections and limiters remembered.
- If you click the Advanced Search tab, you are taken to the Advanced Search Screen with your search terms, document types, limiters, and expander settings cleared.

Advanced Search-Guided

The Advanced Search Screen with Guided-Style fields offers keyword searching, search history and limiters to help you focus your search.

To create an Advanced Search:

1. On the Tabbed Toolbar, click Advanced Search. The Advanced Search Screen appears.
2. In the first Find field, enter a keyword.



3. Choose the search field from the drop-down list (e.g., search in only the Subject Terms field of the citation).
4. Repeat steps 2 and 3 for the second set of Find fields.
5. Select a Boolean operator (AND, OR, NOT) to combine the two Find field entries.
6. Use Limiters to narrow your search:
 - a. Full Text - limits search results to full text articles.
 - b. Publication - limits search results to articles from a specific title.
7. Click Search. A Result List is displayed.



Pertandingan SCRABBLE



12 SEPTEMBER 2007 – Satu pertandingan Scrabble telah berlangsung di ruang rehat Perpustakaan USIM.

Seramai 12 orang peserta telah menyertai pertandingan ini. Johan pertandingan dimenangi oleh Salimah Sulong dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Naib Johan oleh Ahmad Aizuddin Aizat Tajul Arif dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dan Tempat Ketiga oleh Nur Aqilah Zulkifli juga dari FST.

Para pemenang telah menerima hadiah masing-masing pada Hari Mesra Pelanggan Jabatan Perpustakaan pada 26 September yang lalu. Tahniah buat semua pemenang, kepada yang tidak berjaya, usaha dan cuba lagi di tahun hadapan.

HARI MESRA PELANGGAN Jabatan Perpustakaan

26 SEPTEMBER 2007 - Bertempat di bangunan Perpustakaan USIM, satu program Mesra Bersama Pelanggan telah diadakan.

Pelbagai program menarik telah diadakan pada hari tersebut, antaranya adalah Cabutan Bertuah, 5 jenis permainan interaktif dan 3 jenis permainan dalaman.

Selain itu juga, 3 kaunter utama telah dibuka iaitu Kaunter Unit Rujukan, Kaunter Unit Sirkulasi dan Kaunter Pengambilan Hadiah bagi pemenang-pemenang yang

bertanding di dalam pelbagai jenis pertandingan yang telah diadakan sepanjang program Gerakan Membaca 2007 dijalankan.

Selain itu, pada sebelah petang sekitar jam 4.00, semua pengunjung telah diberikan bubur lambuk secara percuma.

Semoga dengan adanya program seperti ini, akan dapat mengeratkan lagi hubungan di antara kakitangan Perpustakaan dengan seluruh warga USIM.

KURSUS PENINGKATAN KATALOGAN DESKRIPTIF Bagi Pembantu Perpustakaan

PADA 5 - 6 Disember 2007 Perpustakaan USIM telah menganjurkan Kursus Pengkatalogan Deskriptif Bagi Pembantu Perpustakaan yang diadakan di B.T.S 1.7, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), USIM.

Seramai 30 orang peserta telah mengambil bahagian dalam kursus selama 2 hari ini. Para peserta terdiri daripada 18 kakitangan USIM, 4 orang peserta dari Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 7 orang peserta dari Perpustakaan Universiti Malaya (UM) dan seorang peserta dari Perpustakaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Kursus ini telah diisi dengan pengisian berkenaan kaedah-kaedah membuat pengkatalogan deskriptif bagi bahan monograf, terbitan bersiri dan juga multimedia. Para peserta juga telah diberikan penerangan mengenai penggunaan MARC21. Semua sesi bagi kursus ini telah dikendalikan oleh Cik Zalina Abdul Rahim, daripada Pusat Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia.

Pihak penganjur berharap agar



semua peserta mendapat manfaat daripada kursus ini dan merancang untuk mengadakan beberapa siri kur-

sus lagi bagi meningkatkan kemahiran kakitangan dalam menjalankan tugas seharian.

KAMUS dan Kegunaannya


Oleh: **Nor Azzah Momin**

KAMUS adalah salah satu daripada bahan-bahan yang dikategorikan sebagai sumber maklumat terus. Lain-lain bahan yang dikelompokkan dalam kategori ini adalah ensiklopedia, direktori, buku laporan tahunan, almanak, dokumen terbitan kerajaan dan bahan sumber maklumat geografi seperti glob, peta dan carta.

Kamus digunakan bagi tujuan-tujuan seperti berikut:

- Mencari erti bagi sesuatu perkataan – secara umumnya penggunaan kamus biasanya adalah bertujuan bagi mencari erti bagi sesuatu perkataan yang difahami maksudnya.
- Menyemak ejaan yang betul – kamus juga boleh digunakan bagi menyemak ejaan yang betul bagi sesuatu perkataan yang ingin digunakan.
- Mengetahui sebutan yang betul – khususnya bagi seseorang yang sedang mempelajari sesuatu bahasa, kamus boleh juga digunakan bagi mengetahui sebutan yang betul bagi sesuatu perkataan yang sedang dipelajarinya.
- Mengetahui perkataan-perkataan yang membawa maksud yang sama atau berlawanan – secara khusus ini merujuk kepada penggunaan kamus sinonim (perkataan seerti) atau antonim (perkataan berlawanan)
- Menyemak penggunaan sesuatu istilah dengan betul – khusus bagi kamus-kamus bagi istilah untuk sesuatu bidang tertentu, ia biasa dirujuk bagi menentukan istilah yang tepat untuk digunakan.

Bagi tujuan rujukan bahan-bahan kamus di Perpustakaan USIM, bahan-bahan ini diletakkan dalam Koleksi Rujukan, dengan awalan huruf dic. pada nombor pengelassannya.



JASAMU DIKENANG

27 NOVEMBER 2007 – Satu majlis perpisahan telah diadakan untuk En. Ahmad Abdul Wafi Abd. Karim, Pustakawan Unit Pembangunan Koleksi, Jabatan Perpustakaan USIM yang akan bertugas di Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Majlis tersebut telah dihadiri oleh semua kakitangan Perpustakaan dan diserikan dengan persembahan multimedia kenang-kenangan sepanjang perkhidmatan beliau di Perpustakaan USIM. Majlis turut diisikan dengan ucapan Ketua Pustakawan dan ucapan balas En. Ahmad Wafi. Semoga beliau akan terus berjaya di penempatan yang baru.



KOLEKSI KHAS di Perpustakaan USIM

Oleh: Hasmida Saleh

KOLEKSI Khas yang diwujudkan di Perpustakaan USIM merupakan satu himpunan koleksi yang amat bernilai dan penting bagi tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di USIM.

Ini adalah kerana sebahagian besar bahan dalam Koleksi ini hanya boleh didapati di Perpustakaan USIM seperti Koleksi Penyelidikan, Koleksi Tesis dan Koleksi Kertas Soalan Peperiksaan.

Koleksi-koleksi lain yang juga ditempatkan di dalam Koleksi ini Koleksi Bertanda Merah (Red Spot), Koleksi Malaysiana, Koleksi Haram, Koleksi Laporan Tahunan dan Koleksi Peta.

Bahan-bahan dalam Koleksi ini boleh dipinjam oleh para pengguna Perpustakaan USIM dan jumlah naskah yang boleh dipinjam adalah bergantung kepada kelayakan pinjaman yang telah ditetapkan.

Namun tempoh pinjamannya dihadkan selama 2 jam sahaja, bagi membolehkan bahan-bahan terhad ini dirujuk oleh lebih ramai pengguna.

Para pengguna yang ingin meminjam bahan di dalam Koleksi ini, pengguna perlu memohon di Kaunter Sirkulasi Perpustakaan kerana Koleksi

ini ditempatkan di dalam bilik di belakang Kaunter tersebut.

Permohonan boleh dibuat dengan menyatakan judul dan nombor panggilan yang dikehendaki.

Pencarian bahan boleh dilakukan melalui OPAC Perpustakaan USIM (<http://library.usim.edu.my/>).

Pengguna perlu merujuk pada

lokasi (location) bahan untuk mengenalpasti lokasi bahan yang dikehendaki.

Bagi memudahkan pencarian bahan mengikut lokasi yang telah ditetapkan, maka sebahagian daripada koleksi-koleksi ini diberikan nombor panggilan yang unik dan tersendiri mengikut lokasi yang telah ditetapkan.

NAMA KOLEKSI	CONTOH NOMBOR PANGGILAN
Koleksi Malaysiana	mal BF637.C6 .M593 2006
Koleksi Tesis	tes FKP 2004 .A863

Contoh nombor panggilan unik yang terdapat di dalam Koleksi Khas.

Majlis BERBUKA PUASA Jabatan Perpustakaan

5 OKTOBER 2007 – Bersempena dengan kedatangan bulan Ramadan, Kelab Kakitangan Perpustakaan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Majlis Berbuka Puasa untuk ahlinya. Majlis ini diadakan di Restoran Lemongrass, Bandar Baru Bangi.

Seramai 40 orang kakitangan Perpustakaan

bersama-sama ahli keluarga masing-masing telah menyertai majlis ini.


Program seperti ini diharapkan akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara semua kakitangan tidak mengira peringkat umur dan pangkat.

Bengkel dan Pertandingan Tulisan Khat

8 Ogos 2007 – Bersempena dengan program Gerakan Membaca 2007, Perpustakaan USIM telah mengambil satu inisiatif untuk menganjurkan satu program iaitu

Bengkel & Pertandingan Tulisan Khat.

Bengkel Khat telah diadakan sebelum pertandingan khat berlangsung, di mana ia telah dikendalikan oleh En. Muhammad Asrak Hj



Mohd Othman, Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran (Ketua Unit Hal Ehwal Islam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur).

Bengkel selama 2 jam itu telah banyak mengupas pelbagai jenis khat yang terdapat di dunia dahulu mahu pun sekarang dan telah disertai oleh seramai 30 orang peserta.

Selesai taklimat tersebut, sesi pertandingan dimulakan dan semua peserta bengkel mula mengeluarkan idea dan bakat yang ada bagi menghasilkan tulisan khat yang menarik.

Pertandingan telah dibahagikan kepada 2 jenis khat, iaitu Khat Nasakh dan Khat Thuluth dan telah diadili oleh En. Muhammad Asrak sendiri.

Pertandingan Khat Nasakh telah dijuarai oleh Siti Aishah Amid dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Naib Johan oleh Sahri Usman dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Tempat Ketiga dimenangi oleh Ummul Alifah Salim dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST).

Manakala bagi Pertandingan Khat Thuluth, Johan dimenangi oleh Muhammad Anuar Omar dari FPQS, Naib Johan, Mohd Fahmi Ismail dari FST dan Tempat Ketiga oleh Siti Aishah Amid dari FSU.

Para pemenang telah menerima hadiah masing-masing pada Hari Mesra Pelanggan Jabatan Perpustakaan pada 26 September 2007 yang lalu.

JURNAL BARU DI PERPUSTAKAAN

Computer and Security

Crime, Media, Culture

European Journal of Communications

European Journal of Migration & Law

International Communication Gazette

Journal of Language and Social Psychology

New Media and Society

Journal of Science and Technology in The Tropics

Islamic Culture

Journal of Counseling Psychology

Journal of Islamic History

Law Enforcement Product News

Law Enforcement Technology

Cross Cultural Research

Discourse and Society

Discourse Studies

Global, Media and Communication

Human Rights Case Digest

Television and New Media

The Halal Journal

The International Journal of Children's Rights

The international Journal of Marine and Coastal Law

Program Gerakan Membaca



Bangunan Baru Perpustakaan



Lawatan-lawatan dari luar



Lawatan Sambil Belajar UiTM

23 OGOS 2007 - Perpustakaan USIM telah menerima kehadiran 24 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Shah Alam dengan diiringi oleh 2 orang Pensyarah iaitu En. Mad Khir Johari Abdullah Sani dan En. Abd Rashid Abd Rahman.

Lawatan akademik ini diadakan bagi memberi pendedahan berkaitan pengurusan dan pen-

tadbiran Perpustakaan. Delegasi telah diberi taklimat oleh Pn. Nor Azzah Momin, Timbalan Ketua Pustakawan dan dibantu oleh Pustakawan Unit Rujukan, En. Ahmad Yazid Ahmad @ Abdul Rahman. Selepas taklimat, semua delegasi dibawa melawat kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Lawatan ini diakhiri dengan sesi bergambar dan jamuan ringan.



Seminar Minda Kelas Pertama

19 SEPTEMBER 2007 – Perpustakaan USIM telah menganjurkan satu seminar yang berjudul “Minda Kelas Pertama” sempena dengan program Gerakan Membaca 2007.

Seminar ini telah berlangsung di Dewan Kuliah Pusat 4, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Seramai 118 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar USIM telah menyertai seminar ini.

Seminar ini telah diisi dengan ceramah oleh 2 orang penceramah iaitu En. Ahmad Badruddin bin Abdullah dari Bahagian Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) yang mengupas topik “Menjana Masyarakat Minda Kelas Pertama: Cabaran dan Peranan Warga Universiti” dan penceramah yang kedua adalah Prof. Dr. Mohd Yusof Hj. Othman, Pengarah, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengupas topik berkenaan “Pendekatan Islam dan Sains ke Arah Pembentukan Minda Kelas Pertama”.

Seminar selama 4 jam ini telah banyak mengupas pelbagai isu-isu yang menarik. Diharapkan agar semua peserta mendapat sedikit sebanyak input yang positif dalam usaha untuk menjadi insan yang mempunyai Minda Kelas Pertama.

HOUSE OF PUDDINGS Turut Memeriahkan Sambutan Hari Raya

9 NOVEMBER 2007 - Bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang lalu, USIM telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya peringkat Universiti. Semua jabatan dan fakulti telah terlibat dalam penganjuran dan penyediaan juadah tambahan selain menu utama yang disediakan oleh pihak universiti.

Pada tahun ini, Perpustakaan telah memilih untuk menyediakan menu pelbagai jenis puding yang disediakan sendiri oleh kakitangannya. Semua kakitangan Perpustakaan juga bersepakat untuk memberikan nama “House of Puddings” bagi gerai Jabatan Perpustakaan.

Gerai Perpustakaan telah berjaya meraih hadiah bagi kategori gerai citra warna, mungkin disebabkan oleh



kepelbagaian warna puding yang telah disediakan oleh kakitangan Perpustakaan. Semoga ini akan meningkatkan lagi semangat bekerjasama dan kerja berpasukan di antara kakitangan.

OVER the last few years, there has been a significant change in higher education occasioned by information technology (IT). This development has virtually altered the characteristics of the learning environment, leads the way for new learning experiences. This has had an impact on the library and information profession, especially in relation to educate the library users efficiently and effectively on utilized library sources and services. The rapid and continuing evolution of IT has created pressures for both the library and its users to continue learning at their workplaces. Modern trends have suggested computer based instructions must be utilized to supplement the traditional methods of classroom learning and delivery method. As a result we see, in a library setting, a slightly shift from human-human contact to one that is human-computer which integrate traditional and virtual services. (Relan, A. & Gillian, B.B., 1997). In a determination to choose which computer based types of learning is the most appropriate to apply in the library several terms are reviewed as follows:

1. Online/E-Learning

2. Computer-assisted Instruction (CAI)/ Computer-assisted Learning (CAL)

3. Web-based Training (WBT)

Library and Educational Technology

Oleh:
**Ahmad
Abdul
Wafi
Abd.
Karim**

1. ONLINE / E-LEARNING

The terms online and e-learning are used interchangeably to represent the electronic education which utilized the World Wide Web (WWW) as medium of delivery. Computer industry giants such as Microsoft, IBM and Oracle have been at the forefront of developing online learning enabling technologies and have supported standards-setting bodies like the World Wide Web Consortium, the Instructional Management Systems project and the Advanced Distributive Learning initiative. Educational establishments, too, have joined the rush to provide online learning facilities and now even offer degree programs that can be completed without campus attendance (Kilby, 2001).

In a survey conducted by Taylor, Nelson and Sofres (2001) on behalf of SkillSoft in the UK found that 63% of those interviewed identified the following description as e-learning: "Internet or intranet based training that enables users to access training courses and learning materials on a desktop computer" (Skillsoft News Letter, 2001).

E-learning is defined as any use of technology for learning outside the boundaries of the physical classroom (Hall, 2001). The terms interchangeably use to describe e-learning are "distance education", "distributed education" and "distance learning". In the e-learning environment, the instruc-

tor-led traditional classroom sessions, will be replaced with real-time "virtual classrooms" (Kilby, 2004).

Therefore we can say online/e-learning is one of the learning experiences which used the internet connectivity as a medium of interactions. E-learning is not necessarily embedded with structured instructions (step-by step instructions) which only benefit learners with some computer skills. Computer Assisted Instructions (CAI)/Computer Assisted Learning (CAL) on the hand, have embedded structured introduction which would benefit novice learners. (Lee, W. W., 2000).

2. COMPUTER-ASSISTED INSTRUCTION (CAI) / COMPUTER-ASSISTED LEARNING (CAL)

The computer-assisted-instruction (CAI)/ computer-assisted-learning (CAL) is interactive and provides learning experiences that are not possible with other media. It involves two way communications between student and computer system. For example, in tutorials, the computer poses questions, the users respond, and the computer presents feedback.

(Turn to next page)

In other words, during the self-paced learning, students are directed by computer system in subject matter content with less teacher interaction. This process would encourage the students to navigate the designed buttons confidently and inculcate high self-motivation in understanding the learning contents. Noel and Heinrich (1996) found that "a shift toward a learner-centered environment could trigger significant enhanced quality and new academic growth of education for both students and instructors" (p. 312).

McCoy (1996) also observed that "computer-assisted learning (CAL) software designed to assist in algebra, geometry, and calculus work, were shown to have gained a better understanding of the mathematical topics" (p. 51). As with other studies of science, Weller (1996) showed that "work with CAL programs allowed students to learn more than they would in only a traditional lab setting" (p. 52). In a review of research involving the effectiveness of computers, Willis (1996) concluded that "computerized simula-


tions resulted in students who could communicate better at higher levels than those who did not use simulations in social studies" (p. 52).

Therefore, from the studies reviewed above, it appears that CAI/CAL programs allow students to achieve better understanding in any subject contents. In addition, these studies highlighted the effectiveness of CAI/CAL programs. Next sub section of online learning is web-based training (WBT).

3. WEB-BASED TRAINING (WBT)

In the early 1990s, distance learning was the preserve of expensive electronic classrooms. However, within a few years, "Web-based training" moved into the lexicon of learning, alongside such terms as Internet-based instruction and e-learning (Steed, 2000).

The evolution of Web-based distance learning is depicted in figure 1;



Khan (1997, p. 45) defines Web-Based Instruction (WBI) as "... a hypermedia-based instructional program which utilizes the attributes and resources of the World Wide Web to create a meaningful learning environment where learning is fostered and supported." Relan and Gillami (1997, p. 43) define WBT as "...the application of a repertoire of cognitively oriented instructional strategies within a constructivist and collaborative learning environment, utilizing the attributes

and resources of the World Wide Web." Clark (1996, pp.1 and 2) defined WBT as "Individualized instruction delivered over public or private computer networks and displayed by a Web browser. WBT is not downloaded CBT, but rather on-demand training stored in a server and accessed across a network. Web-based training can be updated very rapidly, and access to training controlled by the training provider."

Both WBT and e-learning/ online

learning take advantage of the Internet and World Wide Web to deliver information as same as the e-learning/online learning. It can be said that there are little differences among these two types of computer-based learning. E-learning/Online learning and WBT (first type) use internet access to make learning available anywhere and anytime on the web. Although CAI/CAL (second type) is designed and developed to be used as a stand alone, however it can also be uploaded to the internet/intranet.

It is obvious the three reviewed computer based learning and delivery method utilized internet with the exception of CAI/CAL, multimedia interactions and virtual space as replacement for physical classrooms. These three important delivery methods give computer-based learning a distinctive significance.

What to Choose?

A question often asked by the library trainer is "I've got a new training programme coming up, should I do it on CD-ROM (CAL) or web (either e-learning or WBT)?". The answer..? Should be discussed later by looking into their advantages and disadvantages.

Pertandingan PIDATO, BACAAN KEGEMARAN SAYA & CHORAL SPEAKING



5 SEPTEMBER 2007 – Bertempat di Dewan Kuliah Pusat 4, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), telah diadakan beberapa pertandingan iaitu Pidato Bahasa Arab, Bacaan Kegemaran Saya (dalam Bahasa Inggeris) dan "Choral Speaking" telah diadakan bersempena dengan Program Gerakan Membaca anjuran Perpustakaan USIM.

Pertandingan-pertandingan hebat ini adalah berkonsepkan pertembungan antara Fakulti-fakulti di USIM. Penyertaan dari setiap Fakulti amat membanggakan.

Pertandingan Pidato Bahasa Arab telah dimenangi oleh Maisarah Omar dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), diikuti oleh Naib Johan, Nusaibah Mutmainnah Muhamad Azmi dari Fakulti Pergigian (FPg) dan Tempat Ketiga oleh Hanani Hasan dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU).

Pertandingan "Bacaan Kegemaran Saya" pula dimenangi oleh Fauziah Hasan dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), diikuti oleh Naib Johan Muhd Syafiq Muhd Zakaria dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dan Tempat Ketiga oleh Ainilhusna Amin dari FPg.

Bagi Pertandingan "Choral Speaking", pertandingan ini telah dijuarai oleh pasukan dari FST, Naib Johan, kumpulan dari FPg dan Tempat Ketiga oleh FEM.

DEMI MASA

Demi masa
Kehidupan kita berubah
Menyusur detik tanpa dikira
50 tahun merdeka kini menjelma
Memacu Negara ke persada dunia

Demi masa
Kita masih terlupa
Minda kita tetap dijajah
Disongsang pelbagai cara
Itu kah yang dinamakan minda kelas pertama

Demi masa
Kita masih terlena
Dibuai mimpi yang dicipta
Menghulur tangan terus meminta
menagih belas tanpa berusaha

Demi masa
usah kita lupa
Perkasakan minda
Memacu kerjaya
Demi bangsa, agama dan Negara.

Nukilan : drusa130

GOTONG ROYONG 5S PERINGKAT JABATAN PERPUSTAKAAN

SATU gotong royong 5S peringkat Jabatan Perpustakaan USIM telah dianjurkan oleh Jawatankuasa 5S Perpustakaan pada 26 Oktober 2007, bermula pada jam 8.30 pagi. Sebelum memulakan sesi gotong-royong, satu taklimat mengenai 5S telah disampaikan oleh Cik Aishah Tun Abd. Majid.

Selepas sesi taklimat, gotong-royong dimulakan dengan aktiviti mengemaskan meja dan ruang kerja masing-masing, diikuti dengan ruang pejabat dan yang terakhir adalah di stor perpustakaan.

Aktiviti gotong royong ini tamat kira-kira jam 12.00 tengah hari, dengan pesanan supaya setiap kakitangan mengekalkan kekemasan dan kebersihan di tempat kerja masing-masing.

Jasamu Dikenang



BERMULA pada 1 November 2007. Cik Norlizawaty Tumin, Penolong Pendaftar, Jabatan Perpustakaan telah dipindahkan ke Bahagian Akademik, USIM. Beliau telah bertugas di Perpustakaan sejak mula berkhidmat di USIM iaitu pada tahun 2004.

Satu majlis perpisahan telah diadakan pada 31 Oktober sebagai mengenang jasa beliau selama beliau berkhidmat di Perpustakaan. Majlis ini telah dihadiri oleh semua kakitangan Perpustakaan dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kenang-kenangan oleh Ketua Pustakawan, En. Jasmin Jaimon.



PERBARISAN SEMPENA 50 TAHUN MERDEKA PERINGKAT UNIVERSITI

3 SEPTEMBER 2007 – Seramai 15 orang kakitangan Perpustakaan telah menyertai perbarisan kemerdekaan bertempat di Dataran Canselori seawal jam 7.45 pagi. Pada tahun ini, Kontigen Perpustakaan telah memilih tema batik. Ketua Kontigen bagi Perpustakaan USIM adalah Cik Aishah Tun Abdul Majid. Walaupun tidak memenangi apa-apa hadiah bagi kategori-kategori yang dipertandingkan, pihak Perpustakaan tetap berpuas hati dan akan sentiasa menyokong setiap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak USIM. Syabas Perpustakaan!


Tajuk : Isu dan cabaran media di Malaysia
Pengarang : Mohamad Md. Yusoff... [et al.].
Penerbit : Universiti Sains Malaysia.
Tahun : 2006.
ISBN : 9833391842
Pengulas : Aishahatun Abdul Majid.

MEDIA merupakan salah satu saluran komunikasi yang penting dalam menyampaikan ilmu dan persoalan-persoalan isu yang berkaitan politik, sosiobudaya, intelektual dan malah peranannya sendiri.

Buku ini telah ditulis oleh beberapa orang sarjana dalam bidang komunikasi dan ilmu kemanusiaan dari beberapa universiti ternama di Malaysia, yang telah menyumbangkan artikel dan esei mereka di dalam penghasilan buku ini. Antara isu-isu yang menjadi tajuk perbincangan ialah cabaran media yang terpaksa dihadapi dalam era teknologi maklumat, kaedah yang diperlukan untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut dan hala tuju media ke arah menjayakan wawasan negara.

Dalam masa yang sama semasa pengarang-pengarang berusaha untuk membuatkan pembaca memahami media di negara ini, pengarangnya mengingatkan pembaca untuk kembali mengenali pemilik utama segala ilmu dan kerajaan iaitu Allah SWT.

Buku ini mensasarkan kepada pembacaan yang luas bagi setiap peringkat umur dan lapisan masyarakat, daripada pelajar, guru, hinggalah pengamal media, yang boleh dimanfaatkan bersama.



Title : Public speaking: concepts and skills for a diverse society
Author : Clella Jaffe
Edition : 5th Ed.
Publisher : Thomson Wadsworth
Year : 2007
ISBN : 0495006564
Reviewer : Aishahatun Abdul Majid

THIS book, like the previous editions, trains students to be effective and successful public speakers and listeners. The book includes practical information and guidance, to help students understand and effectively prepare for and make presentations in the many culturally diverse speaking situations that they will encounter in their life.

In this latest edition, the author has made some new changes that include case studies, new sample speeches, updated research coverage, increased coverage of selected topics, new examples, and new visuals to help students and instructors utilize this book more. However, there are some mistakes with the page numbers as in the table of contents, but that not defect this book much.

Overall, this book will be a valuable reference for readers who want to train and develop their public speaking with a diverse society.

Pemulangan Buku Melalui 'BookDrop'

1



Sentuh skrin untuk memulakan transaksi.

2



Pilihan bahasa.

3



Baca arahan pada skrin. Masukkan buku melalui pintu yang disediakan.

4



Sila Tunggu...
Bahan sedang diproses.

5



Pilihan;
Ya-Meneruskan transaksi
Tidak-Menamatkan transaksi.

6



Ambil dan semak resit. Simpan untuk rujukan.

PERINGATAN

Untuk sebarang masalah, sila hubungi

Unit Sirkulasi
06-798 8318

Pastikan setiap transaksi pemulangan buku berjaya.

Sekiranya transaksi tidak berjaya, sila berhubung dengan kakitangan di Kaunter Sirkulasi Perpustakaan.




Pembinaan BANGUNAN TETAP Perpustakaan

27 DISEMBER 2007 - Perkembangan kerja-kerja pembinaan bangunan tetap Perpustakaan USIM telah meningkat sebanyak 28.12% dengan masa berlalu sebanyak 560 hari. Bangunan yang mempunyai 4 aras

yang mendapak sebuah bukit kini telah dibina sehingga ke aras 3. Bangunan yang direka bentuk dengan rekaan serba moden ini bakal dilengkapi dengan sistem wireless dan kemudahan peralatan ICT yang terkini bagi

menarik minat lebih ramai pengguna berkunjung ke Perpustakaan. Bangunan Perpustakaan ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun 2008. Gambar-gambar di muka surat 11.

KENAIKAN PANGKAT Kakitangan Perpustakaan

NAMA	JAWATAN LAMA	KENAIKAN PANGKAT
 Pn. Nor Azzah Momin	Pustakawan Kanan (S44)	Timbalan Ketua Pustakawan (S48)
 Pn. Marhaniza Abd Halim	Pustakawan (S41)	Pustakawan Kanan (S44)
 Pn. Wan Azura Radzuan	Pembantu Perpustakaan (S17)	Pembantu Perpustakaan Kanan (S22)

Perkahwinan 2 PASANGAN PENGANTIN

JABATAN Perpustakaan telah mencatat sejarah apabila 4 orang kakitangannya telah bertemu jodoh sesama mereka.

Pada 19 Ogos 2007, En Marzuki Ismail, Pembantu Perpustakaan di Unit Rujukan telah diijabkabulkan dengan Puan Azreena Surya Ahmad, Pembantu Perpustakaan di Unit Automasi.

Pada 1 Disember 2007 pula, En Mohd Jamil Ahmad Mokhtor, Pembantu Perpustakaan di Unit Pembangunan Koleksi telah diijabkabulkan dengan Puan Marfizah Md. Zain, Pembantu Perpustakaan di Unit Sirkulasi.

Semoga keempat-empat pasangan ini diberkati, mendapat rahmat dan bahagia sehingga ke akhir hayat. Tahniah!



Kelahiran Cahaya Mata

Tahniah kepada En. Shahrin Daud dan pasangan di atas kelahiran cahaya mata, Nur Rohadatul 'Aisy, pada 24 Ogos 2007.

Kakitangan Cuti Belajar

Puan Marhaniza Abd. Halim
Pustakawan Kanan
29 Disember 2007 – 28 Disember 2009
Melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di UiTM.

Kakitangan Baru di Perpustakaan



Mohd Azuwan bin Hood
Pembantu Perpustakaan S17
Tarikh mula bertugas:
1 November 2007



Siti Mastura binti Mat
Pembantu Perpustakaan S17
Tarikh mula bertugas:
3 Disember 2007

Selamat Maju Jaya.....

BIBLIOGRAFI | Oleh Rozana Kamdani

PEMANASAN GLOBAL (GLOBAL WARMING)

PEMANASAN global adalah peningkatan suhu atmosfera, lautan dan daratan yang disebabkan oleh kegiatan kurang sihat yang dilakukan oleh manusia terhadap bumi. Isu ini sering diperkatakan sehingga ia menjadi di antara isu terhangat pada abad ini. Banyak kajian dan penulisan ilmiah telah dihasilkan bagi mengupas fenomena ini. Ada di antara bahan-bahan tersebut boleh didapati di perpustakaan USIM, antaranya:

- Bily, C. A. (Ed.). (1998). *Global warming*. San Diego: Greenhaven Press.
- Boxer, B. (2007, November). Changing the international climate. *Current history*, 106(703), 397. Retrieved November 1, 2007, from Proquest database.
- Breslau, K. (2007, November). It's not easy being green. *Newsweek*, 150(19), 16. Retrieved November 1, 2007, from Proquest database.
- Chandler, W. (2007, November/December). Our first response to climate change. *World watch*, 20(6), 10. Retrieved November 1, 2007, from Proquest database.
- Corfee-Morlot, J., Maslin, M. & Burgess, J. (2007, November). Global warming in the public sphere. *Philosophical transactions: mathematical, physical & engineering sciences*, 365(1860), 12. Retrieved November 1, 2007, from Ebscohost database.
- Flayn, C. (2007, November/December). The heat was on. *World watch*, 41(34), 14. Retrieved November 1, 2007, from Ebscohost database.
- Gore, A. (2007). *An inconvenient truth: the crisis of global warming*. London: Bloomsbury Publishing Plc.
- Klare, M. T. (2007, November). Global warming battlefields: how climate change threatens security. *Current history*, 106(703), 353. Retrieved November 1, 2007, from Ebscohost database.
- Snead, C. C. (2007, Oktober). Science of global warming. *Chemical & engineering news*, 85(42), 4. Retrieved November 1, 2007, from Ebscohost database.
- Wingenter, O. W., Elliot, S. M. & Blake, D. R. (2007, November). New directions: enhancing the natural sulfur cycle too slow global warming. *Atmospheric environment*, 41(34), 7373. Retrieved November 1, 2007, from Ebscohost database.

BULETIN IQRA' diterbitkan setiap enam bulan sekali mulai Jun 2007. Buletin ini memuatkan rencana, berita, ulasan buku dan bahan lain yang berkaitan dengan Jabatan perpustakaan USIM. Untuk sebarang maklumat lanjut, pertanyaan, komen atau cadangan, kiriman bahan boleh diajukan kepada:



Editor,
Buletin IQRA'
Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel.: 06-798 8301 / 8312
Faks.: 06-799 3508
E-Mel: su.perpustakaan@usim.edu.my /
norazzah@usim.edu.my

Diterbitkan oleh: Jabatan Perpustakaan, Universiti Sains Islam Malaysia